

## **BAB KEEMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN MENGENAI NAFKAH ISTERI BEKERJA**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membentangkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Kajian ini merangkumi tiga bahagian yang terdiri daripada dua pembolehubah iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Bahagian pertama (A) adalah latar belakang responden atau maklumat mengenai profil sampel kajian yang mewakili pembolehubah bersandar. Manakala bahagian kedua (B), adalah hasil dapatan kajian yang dijalankan bagi mendapatkan data sebenar tentang tanggungjawab suami yang berkaitan dengan urusan kewangan keluarga dan kaitannya dengan faktor-faktor penglibatan isteri dalam kerjaya. Seterusnya bahagian ketiga (C) pula, adalah dapatan kajian yang dijalankan ke atas isteri bagi memperolehi data dan mengenalpasti faktor-faktor pengabaian suami terhadap nafkah isteri serta punca-punca yang membawa kepada berlakunya krisis rumah tangga. Bahagian B dan C adalah mewakili pembolehubah tidak bersandar dan dijangkakan pembolehubah tidak bersandar akan mempunyai hubungan ke atas pembolehubah bersandar ini.

Bahagian pertama bab ini akan membentangkan maklumat mengenai profil sampel kajian yang telah dianalisis dengan menggunakan ujian kekerapan dan peratusan. Hasil kajian akan dibentangkan dalam bentuk jadual taburan dan peratusan.

Dalam bahagian kedua dan ketiga bab ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan yang menjadi objektif kepada kajian ini. Antaranya ialah untuk melihat faktor-faktor penglibatan isteri dalam kerjaya sama ada penglibatan mereka kerana tuntutan nafkah atau kerana sebab-sebab lain dan untuk melihat kedudukan peranan suami sebagai ketua keluarga di dalam mengurus kewangan rumah tangga. Terdapat 14 faktor dari bahagian kedua dan 10 faktor dari bahagian ketiga yang dimasukkan dalam borang soal selidik yang bertindak sebagai pembolehubah-pembolehubah bersandar. Kenyataan yang dikemukakan dijawab oleh responden dengan menggunakan skala Likert. Faktor yang mencatatkan minskor yang paling tinggi dan sisihan piawai yang minimum akan dikategorikan sebagai faktor yang paling kuat dalam mempengaruhi penglibatan isteri dalam kerjaya dan urusan kewangan keluarga.

Manakala, dalam bahagian keempat dan kelima bab ini pula akan cuba mengenal pasti tentang faktor-faktor pengabaian suami terhadap nafkah dan punca-punca yang membawa kepada berlakunya krisis rumah tangga di kalangan isteri-isteri berkerja samada disebabkan oleh nafkah atau faktor-faktor lain. Terdapat 10 faktor dari bahagian keempat dan 16 faktor dari bahagian kelima yang dimasukkan dalam borang soal selidik yang bertindak sebagai pembolehubah-pembolehubah bersandar. Kenyataan-kenyataan yang dikemukakan dijawab oleh responden dengan menggunakan skala Likert. Hasil kajian yang dijalankan dibentangkan dalam bentuk jadual taburan dan peratusan. Di samping itu, ujian korelasi juga dijalankan untuk melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang ada.

#### **4.1 Latar Belakang Sampel**

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan mengikut ciri-ciri latar belakang terhadap 197 orang responden di kawasan kajian. Berdasarkan analisis kekerapan yang dijalankan, majoriti responden berumur 31 hingga 40 tahun dengan bilangannya ialah 117 orang (59.4 %). Seramai 47 orang (23.9%) berusia 30 tahun ke bawah dan hanya 33 orang (16.8 %) berumur 41 tahun ke atas.

**Jadual 4.1 : Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Ciri-ciri Latar belakang 197 Orang Responden Di Daerah Kubang Pasu**

Item	Bilangan	Peratus
<b>1. Umur</b>		
30 th ke bawah	47	23.9 %
31 – 40 th	117	59.4 %
41 th ke atas	33	16.8 %
<b>2. Taraf Pendidikan</b>		
PMR dan ke bawah	9	4.6 %
SPM	43	21.8 %
STPM	15	7.6 %
Diploma	15	7.6 %
Ijazah	107	54.3 %
Sarjana	8	4.1 %
<b>3. Pekerjaan</b>		
Kerajaan	154	78.2 %
Swasta	43	21.8 %
<b>4. Jawatan.</b>		
Pegawai	13	6.6 %
Pensyarah	35	17.8 %
Guru	87	44.2 %
Kerani	26	13.2 %
Pekerja Am	9	4.6 %
Pekerja Kilang	27	13.7 %
<b>5. Pengalaman</b>		
1 – 5 th	49	24.9 %
6 – 10 th	63	32.0 %
11 – 15 th	52	26.4 %
Lebih dari 15 th	33	16.8 %

“Jadual 4.1 , sambungan”

<b>6. Pendapatan</b>		
< dari RM 1000	48	24.4 %
RM 1000 – RM 2000	50	25.4 %
RM 2001 – RM 3000	77	39.1 %
RM 3001 – RM 4000	20	10.2 %
➤ RM 4000	2	1.0 %
<b>7. Tempoh Perkahwinan</b>		
1 – 5 th	47	23.9 %
6 – 10 th	61	31.0 %
11 – 15 th	52	26.4 %
Lebih dari 15 th.	37	18.8 %
<b>8. Bilangan Anak.</b>		
Tiada	10	5.1 %
1 orang	39	19.8 %
2 – 4 orang	117	59.4 %
5 – 7 orang	29	14.7 %
8 – 10 orang	2	1.0 %
<b>9. Bil. Anak Bersekolah.</b>		
Tiada	48	24.4%
1 orang	52	26.4 %
2 – 4 orang	88	44.7 %
5 – 7 orang.	9	4.6 %
<b>10. Rumah Kediaman.</b>		
Milik sendiri	52	26.4 %
Milik suami	32	16.2 %
Milik bersama	32	16.2 %
Milik keluarga	25	12.7 %
Sewa	56	28.4 %
<b>11. Pembantu Rumah.</b>		
Ada.	25	12.7 %
Tiada.	172	87.3 %

Jadual 4.1 di atas menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan mengikut ciri-ciri latar belakang terhadap 197 orang responden di kawasan kajian. Berdasarkan analisis kekerapan yang dilakukan, didapati taraf pendidikan responden bagi kajian ini memiliki pelbagai taraf pendidikan daripada yang berkelulusan PMR dan ke bawah hingga kepada yang berkelulusan sarjana. Walau bagaimanapun, 54.3% responden adalah terdiri daripada mereka yang memiliki kelulusan di

peringkat ijazah, diikuti oleh SPM, STPM dan Diploma, PMR ke bawah dan sarjana.

Responden kajian terdiri daripada mereka yang bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta. Namun majoriti daripada mereka bekerja sebagai kakitangan kerajaan iaitu sebanyak 78.2%. Manakala selebihnya bekerja dalam sektor swasta. Oleh kerana responden terdiri daripada mereka yang memiliki pelbagai peringkat kelulusan, maka mereka menjawat pelbagai jawatan sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta. Mereka boleh dikategorikan seperti dalam jadual 4.1 di atas.

Daripada jadual didapati 44.2% dari responden terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai guru, diikuti oleh pensyarah (17.8%), pekerja kilang (13.7%), kerani (13.2%), pegawai (6.6%) & pekerja am (4.6%).

Dari sudut pengalaman, responden dalam kajian ini memiliki pelbagai pengalaman bekerja berdasarkan tempoh perkhidmatan yang diberikan. Namun majoriti responden memiliki pengalaman bekerja di antara enam hingga 10 tahun (32%) dan hanya 16.8% sahaja responden yang mempunyai pengalaman bekerja lebih dari 15 tahun.

Dengan kelulusan, jawatan serta pengalaman yang dimiliki, majoriti responden dalam kajian ini berpendapatan dalam lingkungan RM 2001 hingga RM 3000 (39.1%). Secara puratanya sebahagian daripada responden (50%) berpendapatan melebihi RM 2000 sebulan, manakala selebihnya berpendapatan di bawah RM 2000 sebulan. Pendapatan responden yang agak lumayan ini akan memberi

pelbagai implikasi kepada gaya hidup responden di samping ianya juga akan mempengaruhi tanggungjawab suami terhadap nafkah.

Melihat kepada tempoh perkahwinan pula, didapati bahawa responden terdiri daripada keluarga yang secara puratanya agak baru iaitu yang berusia kurang dari 15 tahun (81.2%). Manakala bilangan responden yang berkahwin lebih dari 15 tahun hanya sebanyak (18.8%). Secara umumnya majoriti tempoh perkahwinan responden ialah antara 6 hingga 10 tahun (31.0%).

Jadual di atas menunjukkan bilangan anak yang maksimum dimiliki responden iaitu antara 8 hingga 10 orang ialah sebanyak (1%) sahaja. Manakala majoriti responden dalam kajian ini memiliki anak antara 2 hingga 4 orang (59.4%), diikuti oleh 1 orang (19.8%) dan 5 hingga 7 orang (14.7%). Secara keseluruhannya, sebahagian besar responden dalam kajian ini memiliki bilangan anak yang sedikit, iaitu kurang daripada 4 orang, malahan terdapat 10 orang responden yang tidak memiliki zuriat, mungkin disebabkan tempoh perkahwinan yang terlalu baru.

Sebahagian besar responden memiliki anak yang sedang bersekolah. Walau bagaimanapun, majoriti anak yang sedang bersekolah ialah dalam lingkungan 2 hingga 4 orang (44.7%), diikuti oleh 1 orang (26.4%) dan 5 hingga 7 orang (4.6%). Manakala 48 orang responden (24.4%) adalah tidak berkaitan.

Merujuk kepada rumah kediaman pula, sebanyak 28.4% responden dalam kajian ini tinggal di rumah sewa. Walau bagaimanapun, sebanyak 26.4% responden

yang tinggal di rumah yang dimiliki sendiri. Selebihnya terdapat responden yang tinggal di rumah yang dimiliki oleh suami atau dimiliki secara bersama di mana masing-masing sebanyak 16.2%. Selain dari itu, terdapat sebanyak 12.7% responden yang masih tinggal di rumah keluarga atau ibu bapa.

Dapatan kajian turut menunjukkan hanya 25 orang (12.7%) responden sahaja yang mempunyai pembantu rumah. Manakala 172 orang responden lagi (87.3%) tidak memiliki pembantu rumah. Perangkaan ini memberi gambaran bahawa responden yang tidak memiliki pembantu rumah melakukan sendiri tugas-tugas urusan rumah tangga walaupun mereka bekerja di luar

#### **4.2 Faktor-faktor Penglibatan Isteri Dalam Kerjaya**

Dalam bahagian ini, responden telah diminta untuk menyatakan sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju tentang faktor-faktor biasa penglibatan isteri dalam kerjaya. Terdapat tiga faktor negatif dan sebelas faktor positif. Faktor-faktor tersebut ialah ;

- i. Kelulusan.
- ii. Adik beradik semua bekerja.
- iii. Gaji berpatutan.
- iv. Pendapatan suami rendah dan tidak cukup untuk menampung kos hidup.
- v. Suami kedekut walaupun bergaji tinggi.
- vi. Dapat melarikan diri dari tugas-tugas rutin di rumah yang membosankan.
- vii. Untuk mendapatkan kewangan sendiri supaya bebas berbelanja.
- viii. Untuk meningkatkan ekonomi keluarga dan negara.
- ix. Kemahiran dan kepakaran dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

- x. Gaji yang diperolehi dapat ditabungkan sebagai simpanan masa depan.
- xi. Suami memberi galakan supaya bekerja.
- xii. Tidak mahu bergantung kepada kewangan suami.
- xiii. Dapat melibatkan diri dalam aktiviti sosial masyarakat dan
- xiv. Dapat membantu suami melunaskan ansuran bulanan.

Bagi melihat tahap persetujuan mereka, responden diminta untuk memilih antara “sangat tidak setuju” (1), “tidak setuju” (2), “tidak pasti” (3), “setuju” (4), dan “sangat setuju” (5).

Jadual 4.2 : Tahap Persetujuan Isteri Bekerja Tentang Faktor-faktor Penglibatan Mereka Dalam Kerjaya.

Faktor-faktor Penglibatan Isteri Dalam Kerjaya	Tahap Persetujuan (%)				
	1	2	3	4	5
1. Saya mempunyai kelulusan	7 3.6 %	10 5.1 %	10 5.1 %	66 33.5%	104 52.8%
2. Adik beradik semua bekerja	32 16.2%	68 34.5%	18 19.1%	52 26.4%	27 13.7%
3. Gaji berpatutan	7 3.6%	22 11.2%	19 9.6%	127 64.5%	22 11.2%
4. Pendapatan suami rendah, tidak cukup untuk menampung kos hidup	14 7.1%	47 23.9%	18 9.1%	76 38.6%	42 21.3%
5. Suami kedekut walau pun bergaji tinggi	8 4.1%	11 5.6%	14 7.1%	80 40.6%	84 42.6%
6. Dapat melarikan diri dari tugas-tugas rutin di rumah yang membosankan	3 1.5%	23 11.7%	20 10.2%	85 43.1%	66 33.5%
7. Untuk mendapatkan kewangan sendiri supaya bebas berbelanja	10 5.1%	33 16.8%	19 9.6%	94 47.7%	41 20.8%
8. Untuk tingkatkan ekonomi keluarga dan negara	4 2.0%	3 1.5%	13 6.6%	102 51.8%	75 38.1%

“Jadual 4.2 , sambungan”

9. Supaya kemahiran dan kepakaran dapat dimanfaatkan oleh masyarakat	6 3.0%	1 0.5%	17 8.6%	89 45.2%	84 42.6%
10. Supaya gaji yang diperolehi dapat ditabungkan sebagai simpanan masa depan	9 4.6%	4 2.0%	9 4.6%	93 47.2%	82 41.6%
11. Suami galakkan supaya bekerja	7 3.6%	19 9.6%	19 9.6%	110 55.8%	42 21.3%
12. Tidak mahu bergantung kepada kewangan suami	9 4.6%	23 11.7%	24 12.2%	82 41.6%	59 29.9%
13. Dapat melibatkan diri dalam aktiviti sosial masyarakat	8 4.1%	20 10.2%	58 29.4%	95 48.2%	16 8.1%
14. Supaya dapat membantu suami melunaskan ansuran bulanan.	16 8.1%	33 16.8%	27 13.7%	95 48.2%	16 8.1%

Berdasarkan jadual 4.2 di atas, hasil kajian mendapati bahawa kelulusan merupakan faktor utama yang mendorong para isteri untuk terlibat dalam kerjaya. Sebanyak 52.8% daripada responden menyatakan sangat setuju terhadap faktor ini. Manakala 33.5% pula menyatakan setuju di mana jumlah ini merupakan jumlah yang kedua paling rendah berbanding tahap persetujuan responden yang memilih “setuju” sahaja , selepas faktor adik beradik bekerja (26.4%).

Seterusnya daripada kajian mendapati faktor kedua yang menyokong isteri-isteri untuk bekerja ialah supaya kemahiran dan kepakaran dapat digunakan oleh masyarakat dan sikap suami yang kedekut walaupun bergaji tinggi. Sebanyak 42.6% daripada responden memilih “sangat setuju” kepada kedua-dua faktor ini. Sungguhpun begitu, daripada kedua-dua faktor ini respon yang diterima masing-masing tidak menunjukkan perbezaan yang banyak antara jawapan “sangat setuju” dan “setuju” (45.2% dan 42.6%) di kalangan responden. Ini menunjukkan faktor

kemahiran dan kepakaran yang terdapat pada isteri di samping kelulusan mereka dapat digunakan atau dimanfaatkan terhadap agama, bangsa dan negara melalui kerjaya yang mereka ceburi serta dapat meningkatkan lagi penglibatan isteri-isteri dalam kerjaya di luar rumah. Sikap suami yang kedekut , walaupun bergaji tinggi juga menjadi pendorong kepada keterlibatan isteri dalam kerjaya.

Sementara itu, didapati tiga faktor utama telah mampu menarik lebih daripada 50 responden untuk bersetuju bahawa faktor-faktor tersebut telah mendorong mereka untuk terlibat dalam pelbagai kerjaya. Faktor-faktor tersebut ialah gaji yang berpatutan (64.5%) telah mendorong mereka untuk bekerja, adalah selari dengan majoriti dari mereka (54.3%) adalah pemegang ijazah. Faktor seterusnya ialah galakkan suami supaya bekerja (55.8%) dan faktor untuk tingkatkan ekonomi keluarga dan negara (51.8%).

Manakala faktor-faktor lain adalah hampir sama banyak iaitu dapat melibatkan diri dalam aktiviti sosial masyarakat dan supaya dapat membantu suami, masing-masing sebanyak (48.2%); untuk mendapatkan kewangan sendiri supaya bebas berbelanja (47.7%); supaya gaji yang diperolehi dapat ditabungkan sebagai simpanan masa depan (47.2%); kemahiran dan kepakaran dapat dimanfaatkan oleh masyarakat (45.2%); dapat melaikan diri dari tugas-tugas rutin di rumah yang membosankan (43.1%); tidak mahu bergantung kepada kewangan suami (41. 6%); suami kedekut walaupun bergaji tinggi (40.6%); pendapatan suami rendah, tidak cukup untuk menampung kos hidup (38.6%); ada kelulusan (33.5%) dan adik beradik semua bekerja (26.4%).

Jadual 4.2, di atas menunjukkan bahawa majoriti bersetuju dengan dua daripada tiga faktor negatif iaitu dapat melarikan diri dari tugas-tugas rutin di rumah yang membosankan (43.1%) dan pendapatan suami rendah, tidak cukup untuk menampung kos hidup (38.6%). Seterusnya majoriti responden sangat setuju dengan faktor suami kedekut walaupun bergaji tinggi (42.6%) melebihi responden yang bersetuju sebanyak 2%.

Manakala faktor-faktor positif pula didapati majoriti responden bersetuju dengan semua faktor positif tersebut kecuali satu faktor yang tidak disetujui oleh responden sebagai faktor yang menyebabkan mereka terlibat dalam kerjaya. Majoriti responden (34.5%) tidak bersetuju bahawa faktor adik beradik semua bekerja, menyebabkan mereka juga turut bekerja. Walaupun terdapat responden yang bersetuju (26.4%) tetapi jumlah tersebut merupakan jumlah yang paling minimum berbanding faktor-faktor lain.

Kesimpulannya, berdasarkan keputusan kajian didapati majoriti responden adalah bersetuju dengan semua faktor penglibatan isteri dalam kerjaya, di mana tahap persetujuan mereka adalah tinggi. Kalau diperhatikan kepada semua item yang dikemukakan didapati responden meletakkan persetujuan yang lebih tinggi terhadap faktor ada kelulusan dan suami kedekut walaupun bergaji tinggi dan persetujuan biasa kepada faktor gaji yang berpatutan, galakkan suami dan faktor untuk tingkatkan ekonomi keluarga dan negara. Manakala faktor-faktor lain adalah hampir sama banyak kecuali persetujuan responden yang paling rendah terhadap faktor adik beradik bekerja.

Berdasarkan analisis taburan skor min yang dilakukan, skor min (x) dan sisihan piawai (se) bagi setiap pembolehubah bebas telah diperolehi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Faktor Penglibatan Isteri Dalam Kerjaya.

Faktor Penglibatan Isteri Dalam Kerjaya	Min ( Mean )	Sisihan Piawai (Std. Deviation)	Jumlah ( N )
Saya mempunyai kelulusan	4.27	1.02	197
Supaya kemahiran dan kepakaran dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.	4.24	0.87	197
Untuk tingkatkan ekonomi keluarga dan negara.	4.22	0.80	197
Supaya gaji yang diperolehi dapat ditabungkan sebagai simpanan masa depan.	4.19	0.96	197
Suami kedekut walaupun bergaji tinggi.	4.12	1.04	197
Dapat melarikan diri daripada tugas-tugas rutin di rumah yang membebankan.	3.95	1.02	197
Suami galakkan supaya bekerja.	3.82	0.99	197
Tidak mahu bergantung kepada kewangan suami.	3.81	1.13	197
Gaji berpatutan.	3.69	0.94	197
Untuk mendapatkan kewangan sendiri supaya bebas berbelanja.	3.62	1.14	197
Dapat melibatkan diri dalam aktiviti sosial masyarakat.	3.46	0.93	197
Pendapatan suami rendah, tidak cukup untuk menampung kos hidup.	3.43	1.26	197
Supaya dapat membantu suami melunaskan ansurans bulanan.	3.42	1.16	197
Adik beradik semua bekerja.	2.87	1.34	197

Berdasarkan Jadual 4.3, mempunyai kelulusan merupakan faktor utama penglibatan isteri dalam kerjaya. Jika diteliti daripada jadual, faktor kedua iaitu kemahiran dan kepakaran dapat dimanfaatkan oleh masyarakat turut mencatatkan skor min yang tertinggi iaitu 4.24 . Walau bagaimanapun, kedudukan faktor ini adalah lebih tinggi daripada faktor mempunyai kelulusan kerana nilai sisihan piawainya adalah rendah iaitu 0.87 jika dibandingkan dengan sisihan piawai faktor kelulusan iaitu 1.02. Nilai sisihan piawai yang rendah menggambarkan

pandangan responden terhadap faktor tersebut adalah lebih homogenus, yang membuktikan kekuatan faktor kemahiran dan kepakaran dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dalam mempengaruhi penglibatan isteri dalam kerjaya.

Faktor ketiga pula ialah untuk meningkatkan ekonomi keluarga dan negara. Gaji yang diperolehi dapat ditabungkan sebagai simpanan masa depan telah dikenalpasti sebagai faktor keempat yang menjadi pendorong kepada penglibatan isteri dalam kerjaya. Suami kedekut walau pun bergaji tinggi juga telah mencatatkan skor min yang tinggi sebagai faktor kelima yang mendorong isteri-isteri untuk keluar bekerja. Adik beradik semua bekerja didapati mencatatkan skor min terendah iaitu 2.87 daripada keseluruhan empat belas faktor. Keputusan ini menggambarkan adik beradik bekerja tidak begitu dominan dalam mempengaruhi penglibatan isteri dalam kerjaya.

#### **4.3 Urusan Kewangan Keluarga**

Dalam bahagian ini, responden diminta untuk menilai sejauhmana kekerapan mereka dengan pernyataan yang berkait dengan urusan kewangan keluarga. Terdapat dua pernyataan negatif dan lapan pernyataan positif. Pernyataan-pernyataan urusan kewangan keluarga itu adalah seperti berikut :

- i- Sebagai ketua keluarga, suami saya sentiasa melengkapkan kediaman untuk saya dan anak-anak.
- ii- Suami saya melunaskan segala bil-bil elektrik, air dan telefon dalam tempoh yang ditetapkan.
- iii- Beliau tidak peduli tentang kos rawatan perubatan saya.
- iv- Beliau menyediakan peralatan rumah bila diminta.

- v- Suami akan membeli alat-alat kosmetik yang saya perlukan.
- vi- Suami akan gunakan wang simpanannya bila ada kes-kes kecemasan.
- vii- Tugas menyediakan barang keperluan harian diserahkan kepada saya.
- viii- Pakaian saya tidak pernah dibeli oleh suami kerana pilihannya tidak memenuhi citarasa saya.
- ix- Suami sering menghulurkan wang kepada apabila saya memerlukan.
- x- Beliau bertindak sebagai seorang ketua keluarga yang sebenar.

Bagi melihat tahap kekerapan ini, mereka diminta untuk memilih antara “tidak pernah” (1), “jarang-jarang” (2), “kadangkala” (3), “biasanya” (4) dan “selalu” (5).

Jadual 4.4 : Tahap Kekerapan Isteri-isteri Bekerja Tentang Urusan Kewangan Keluarga

Urusan Kewangan Keluarga	Tahap Kekerapan (%)				
	1	2	3	4	5
1. Sebagai ketua keluarga, suami sentiasa melengkapkan kediaman untuk saya dan anak-anak.	15 7.6%	6 3.0%	14 7.1%	75 38.1%	87 44.2%
2. Suami saya melunaskan segala bil-bil elektrik, air dan telefon dalam tempoh yang ditetapkan.	11 5.6%	8 4.1%	31 15.7%	69 35.0%	78 39.6%
3. Suami tidak peduli tentang kos rawatan perubatan saya.	—	36 18.3%	20 10.2%	—	141 71.6%
4. Suami menyediakan peralatan rumah bila diminta.	7 3.6%	4 2.0%	28 14.2%	72 36.5%	86 43.7%
5. Suami akan membeli alat-alat kosmetik yang saya perlukan.	27 13.7%	16 8.1%	35 17.8%	58 29.4%	61 31.0%
6. Suami akan gunakan wang simpanannya bila ada kes-kes kecemasan.	—	—	10 5.1%	88 44.7%	99 50.3%
7. Tugas menyediakan barang keperluan harian diserahkan kepada saya.	26 13.2%	42 21.3%	74 37.6%	35 17.8%	20 10.2%

“Jadual 4.4 , sambungan”

8. Pakaian saya tidak pernah dibeli oleh suami kerana pilihannya tidak memenuhi citarasa saya.	11 5.6%	36 18.3%	68 34.5%	45 22.8%	37 18.8%
9. Suami sering menghulurkan wang kepada saya bila saya memerlukan.	9 4.6%	17 8.6%	27 13.7%	57 28.9%	87 44.2%
10. Suami bertindak sebagai seorang ketua keluarga yang sebenar.	6 3.0%	8 4.1%	20 10.2%	71 36.0%	92 46.7%

Berdasarkan Jadual 4.4 , hasil kajian ini mendapati sebanyak (71.6%) responden yang menyatakan bahawa suami selalu tidak peduli tentang kos rawatan perubatan mereka. Oleh itu, para isteri terpaksa memperuntukkan gaji mereka untuk tujuan tersebut. Seterusnya daripada kajian mendapati sebahagian daripada responden (50.3%) menyatakan bahawa suami mereka “selalu” akan menggunakan wang simpanannya bila ada kes-kes kecemasan. Manakala (44.7%) pula mengatakan “biasanya” dan selebihnya mengatakan “kadangkala” sahaja.

Sementara itu, bagi urusan kewangan keluarga selain dari di atas didapati tahap kekerapan responden yang memilih “selalu” adalah hampir sama banyak iaitu dalam lingkungan (31% hingga 46.7%) kecuali tugas untuk menyediakan barang keperluan harian diserahkan kepada isteri (10.2%) dan pakaian isteri tidak pernah dibeli oleh suami kerana pilihan suami tidak memenuhi citarasa isteri (18.8%). Kekerapan maksimum yang dipilih oleh majoriti responden bagi kedua-dua urusan ini ialah “kadangkala” sahaja iaitu sebanyak (37.6%) bagi urusan membeli barang dan (34.5%) bagi urusan pakaian isteri.

Berdasarkan jadual 4.4 di atas, didapati daripada dua pernyataan negatif, hanya satu pernyataan sahaja yang dipilih oleh majoriti responden dengan kekerapan “selalu”, malah ia mewakili peratus tertinggi bagi keseluruhan item (71.6%). Manakala satu item lagi majoriti memilih dengan kekerapan “kadangkala” sahaja iaitu sebanyak (34.5%). Pilihan jawapan “selalu” oleh responden bagi pernyataan negatif menjelaskan kepada kita bahawa suami tidak mengambil tahu tentang kos rawatan perubatan isteri atau nafkah perubatan. Manakala sikap suami yang “ kadangkala ” sahaja memberi nafkah pakaian, walau pun isteri kurang berminat menunjukkan bahawa suami kurang prihatin terhadap tanggungjawab tersebut.

Seterusnya daripada lapan pernyataan positif, hanya satu item sahaja yang dipilih oleh majoriti responden dengan kekerapan “kadangkala” sahaja iaitu tentang tugas untuk menyediakan barang keperluan harian diserahkan kepada isteri (37.6%). Keadaan ini juga berkemungkinan disebabkan oleh tugas tersebut lebih mudah diuruskan oleh isteri memandangkan para isteri lebih maklum tentang barang-barang keperluan harian di rumah kerana peranan isteri selain dari bekerja di luar, ia juga sebagai pengurus kepada rumah tangganya. Fenomena ini kalau dibiarkan, lama kelamaan ia akan menjadi satu budaya dan akhirnya tanggung jawab tersebut akan terpikul di bahu isteri sepenuhnya.

Secara umumnya, majoriti responden yang memilih dengan kekerapan “selalu” adalah hampir sama banyak dengan “biasanya” , sedangkan kekerapan “tidak pernah” adalah pilihan yang paling minimum antara semua jawapan pilihan. Ini menunjukkan bahawa urusan kewangan keluarga secara keseluruhannya masih dibiayai oleh suami, walaupun isteri mereka bekerja.

Analisis skor min (x) dan sisihan piawai (se) bagi setiap pembolehubah bebas urusan kewangan keluarga boleh dirujuk melalui Jadual 4.5 seperti yang ditunjukkan di bawah.

Jadual 4.5 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Urusan Kewangan Keluarga.

Urusan Kewangan Keluarga	Min ( Mean )	Sisihan Piawai (Std. Deviation )	Jumlah ( N )
Suami akan gunakan wang simpanannya bila ada kes-kes kecemasan.	4.45	0.59	197
Beliau tidak peduli tentang kos rawatan perubatan saya.	4.25	1.22	197
Beliau bertindak sebagai seorang ketua keluarga yang sebenar.	4.19	0.99	197
Beliau menyediakan peralatan rumah bila diminta.	4.15	0.98	197
Sebagai ketua keluarga, suami saya sentiasa melengkapkan kediaman untuk saya dan anak-anak.	4.08	1.15	197
Suami saya melunaskan segala bil-bil elektrik, air dan telefon dalam tempoh yang ditetapkan.	3.99	1.11	197
Suami sering menghulurkan wang kepada saya, bila saya memerlukan.	3.99	1.16	197
Suami akan membeli alat-alat kosmetik yang saya perlukan.	3.56	1.36	197
Pakaian saya tidak pernah dibeli oleh suami kerana pilihannya tidak memenuhi citarasa saya.	3.31	1.14	197
Tugas menyediakan barang keperluan harian diserahkan kepada saya.	2.90	1.15	197

Berdasarkan jadual 4.5, suami akan menggunakan wang simpanannya bila terdapat kes-kes kecemasan, merupakan faktor utama yang menunjukkan bahawa suami adalah orang yang bertanggungjawab terhadap urusan kewangan keluarga. Faktor kedua yang mempengaruhi urusan kewangan keluarga ialah suami tidak peduli tentang kos perubatan isteri. Oleh sebab itu, isteri-isteri terpaksa memperuntukkan gaji mereka untuk perubatan. Disebabkan nilai sisihan piawai yang tinggi (1.22) berbanding faktor-faktor lain selepasnya, telah meletakkan faktor ini agak kurang kuat. Faktor seterusnya sebagai faktor ketiga ialah suami

bertindak sebagai seorang ketua keluarga yang sebenar telah mencatatkan skor min (x) yang tinggi iaitu 4.19 dan sisihan piawai (se) sebanyak 0.99. Manakala faktor keempat pula ialah suami menyediakan peralatan rumah bila diminta. Sebagai ketua keluarga, suami sentiasa melengkapkan kediaman untuk isteri dan anak-anak, telah dikenalpasti sebagai faktor kelima yang mempengaruhi urusan kewangan keluarga. Antara semua faktor yang dikemukakan, sebanyak 10 faktor terbukti faktor tugas menyediakan barang keperluan harian diserahkan kepada isteri telah mencatatkan skor min (x) yang paling rendah iaitu sebanyak 2.90 dan sisihan piawai (se) sebanyak 1.15.

#### **4.4 Faktor-faktor Pengabaian Suami Terhadap Nafkah**

Dalam bahagian ini responden telah diminta sekali lagi untuk menyatakan sejauhmana mereka bersetuju atau tidak bersetuju tentang faktor-faktor biasa pengabaian suami terhadap nafkah. Faktor-faktor tersebut ialah;

- i. Saya mempunyai pekerjaan tetap
- ii. Gaji yang saya perolehi mencukupi
- iii. Suami saya tidak kisah tentang nafkah
- iv. Saya mempunyai tabungan sendiri
- v. Saya akan gunakan duit saya untuk membayar bil-bil kerana saya tidak suka menangguhkan bayaran
- vi. Biasanya saya yang akan menentukan peralatan rumah yang hendak dibeli
- vii. Saya lebih maklum daripada suami tentang barang-barang keperluan harian, apa yang patut dibeli bila kehabisan
- viii. Saya rela walau pun suami tidak memberi wang

- ix. Saya malu untuk meminta kerana sudah ada wang sendiri
- x. Pendapatan saya lebih tinggi daripada suami.

Untuk melihat tahap persetujuan ini responden diminta untuk memilih antara “ sangat tidak setuju ” (1), “ tidak setuju ” (2), “ tidak pasti ” (3), “ setuju ” (4) dan “ sangat setuju ” (5).

Jadual 4.6 : Tahap Persetujuan Isteri-isteri Bekerja Tentang Faktor-faktor Pengabaian Suami Terhadap Nafkah.

Faktor-faktor Pengabaian Suami Terhadap Nafkah	Tahap Persetujuan ( Peratus )				
	1	2	3	4	5
1. Saya mempunyai pekerjaan tetap	15 7.6%	24 12.2%	25 12.7%	48 24.4%	85 43.1%
2. Gaji yang saya perolehi mencukupi	10 5.1%	39 19.8%	32 16.2%	72 36.5%	44 22.3%
3. Suami saya tidak kisah tentang nafkah	28 14.2%	41 20.8%	57 28.9%	50 25.4%	21 10.7%
4. Saya mempunyai tabungan sendiri	8 4.1%	28 14.2%	21 10.7%	95 48.2%	45 22.8%
5. Saya akan gunakan duit saya untuk membayar bil-bil kerana saya tidak suka menangguhkan bayaran	15 7.6%	24 12.2%	19 9.6%	105 53.3%	34 17.3%
6. Biasanya saya yang menentukan peralatan rumah yang hendak dibeli	6 3.0%	39 19.8%	32 16.2%	85 43.1%	35 17.8%
7. Saya lebih maklum daripada suami tentang barang-barang keperluan harian, apa yang patut dibeli bila kehabisan	5 2.5%	16 8.1%	15 7.6%	98 49.7%	63 32.0%
8. Saya rela walaupun suami tidak memberi wang	38 19.3%	72 36.5%	44 22.3%	27 13.7%	16 8.1%
9. Saya malu untuk meminta kerana sudah ada wang sendiri	39 19.8%	81 41.1%	32 16.2%	36 18.3%	9 4.6%
10. Pendapatan saya lebih tinggi daripada suami	44 22.3%	74 37.6%	14 7.1%	31 15.7%	34 17.3%

Berdasarkan Jadual 4.6, hasil kajian mendapati daripada sepuluh item yang berkait dengan faktor-faktor pengabaian suami terhadap nafkah, hanya satu item sahaja yang dipilih oleh majoriti responden dengan tahap “ sangat setuju ” . Sebanyak 43.1% responden mengatakan mereka sangat setuju dengan pekerjaan tetap yang mereka miliki sebagai faktor pengabaian suami terhadap nafkah. Di samping itu item paling minima yang dipilih oleh responden dengan tahap yang sama iaitu sebanyak 4.6% mereka mengatakan bahawa mereka malu untuk meminta kerana sudah ada wang sendiri. Sebaliknya majoriti responden memilih dengan tahap “ tidak setuju ” bagi item ini iaitu sebanyak 41.1% mengatakan mereka tidak malu untuk meminta dari suami walau pun mereka mempunyai wang sendiri. Pilihan jawapan ini membawa maksud walau pun mereka mempunyai wang sendiri tetapi mereka tidak semestinya malu untuk meminta daripada suami kerana dengan memiliki wang sendiri tidak bererti suami boleh mengabaikan tanggungjawabnya terhadap nafkah.

Seterusnya terdapat lima item yang dipilih oleh majoriti dengan tahap “ setuju ” iaitu saya akan gunakan wang saya untuk membayar bil-bil kerana saya tidak suka menangguhkan bayaran (53.3%), saya lebih maklum daripada suami tentang barang-barang keperluan harian, apa yang patut dibeli bila kehabisan (49.7%), saya mempunyai tabungan sendiri (48.2%), biasanya saya yang menentukan peralatan rumah yang hedak dibeli (43.1%) dan gaji yang saya perolehi mencukupi (36.5%). Tahap setuju yang paling minimum bagi semua item ialah saya rela walau pun suami tidak memberi wang iaitu sebanyak 13.7%. Sebaliknya majority memilih dengan tahap “ tidak setuju ” bagi item ini iaitu sebanyak 36.5%. Di samping itu terdapat satu item lagi di mana majoriti memilih dengan

tahap “ tidak setuju ” (37.6%) bahawa pendapatan isteri lebih tinggi daripada pendapatan suami sebagai faktor yang membolehkan suami mengabaikan nafkah terhadap isteri. Namun begitu majoriti responden mengatakan mereka tidak pasti samaada suami mengambil berat atau tidak tentang nafkah apabila mereka memilih jawapan “ tidak pasti ” kepada pernyataan suami saya tidak kisah tentang nafkah, iaitu sebanyak 28.9%.

Jadual 4.6 di atas menunjukkan bahawa majoriti bersetuju dengan lima daripada faktor-faktor pengabaian suami terhadap nafkah, satu faktor sangat setuju, tiga faktor tidak setuju dan satu faktor tidak pasti. Oleh itu daripada kajian ini didapati lima faktor telah mampu menarik lebih daripada 36.5% responden untuk bersetuju bahawa faktor-faktor tersebut telah mendorong suami untuk tidak menunaikan tanggungjawab nafkah.

Secara keseluruhannya, berdasarkan keputusan kajian didapati majoriti responden adalah bersetuju dengan faktor-faktor pengabaian suami terhadap nafkah kecuali terdapat tiga faktor sahaja yang tidak disetujui oleh responden, manakala satu faktor adalah tidak pasti. Kalau diperhatikan kepada jawapan majoriti responden bagi setiap item, didapati tidak ada perbezaan yang ketara antara item-item tersebut, semuanya boleh dikatakan sama banyak iaitu dalam lingkungan 36.5% hingga 53.3%.

#### **4.5 Faktor-faktor Yang Membawa Kepada Krisis Rumah Tangga**

Bahagian ini , responden telah diminta sekali lagi untuk memberi jawapan sejauh mana kekerapan mereka tentang pernyataan yang berkait dengan faktor-faktor yang membawa kepada krisis rumah tangga. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut;

- i. Saya cuba mengubah perangai buruk suami
- ii. Suami sering mungkir janji
- iii. Suami tidak endahkan masalah saya
- iv. Suami bermain kayu tiga
- v. Suami tidak memberi perhatian kepada keluarga kerana sibuk dengan tugas
- vi. Suami tidak suka saya berdandan berlebihan
- vii. Suami salah faham tentang nafkah
- viii. Suami tidak menjadi pendengar yang baik
- ix. Suami tidak menghormati keluarga saya
- x. Suami berjimat dan kedekut dalam berbelanja
- xi. Suami meminta saya melunaskan bil-bil yang tertunggak
- xii. Sebelum gaji keluar, suami meminta wang simpanan saya
- xiii. Suami mendesak supaya saya membuat pinjaman
- xiv. Keluarga suami selalu bertanya tentang kewangan suami
- xv. Suami enggan menerima cadangan saya untuk membeli rumah sendiri
- xvi. Suami tidak menolong saya melakukan kerja-kerja rumah

Untuk melihat tahap kekerapan ini, responden diminta untuk memilih antara “tidak pernah” (1), “jarang-jarang” (2), “kadangkala” (3), “biasanya” (4) dan “selalu” (5).

Jadual 4.7 : Tahap Persetujuan Isteri-isteri Bekerja Tentang Faktor-faktor Yang Membawa Kepada Krisis Rumahtangga.

Faktor-faktor Yang Membawa Kepada Krisis Rumahtangga	Tahap Persetujuan (%)				
	1	2	3	4	5
1. Saya cuba mengubah perangai buruk suami	20 10.2%	33 16.8%	78 39.6%	40 20.3%	26 13.2%
2. Suami sering mungkir janji	53 26.9%	73 37.1%	51 25.9%	13 6.6%	7 3.6%
3. Suami tidak endahkan masalah saya	81 41.1%	45 22.8%	49 24.9%	11 5.6%	11 5.6%
4. Suami bermain kayu tiga	176 89.3%	7 3.6%	6 3.0%	2 1.0%	6 3.0%
5. Suami tidak memberi perhatian kepada keluarga kerana sibuk dengan tugas	101 51.3%	44 22.3%	44 22.3%	5 2.5%	3 1.5%
6. Suami tidak suka saya berdandan berlebihan	84 42.6%	57 28.9%	44 22.3%	11 5.6%	1 0.5%
7. Suami salah faham tentang nafkah	74 37.6%	46 23.4%	40 20.3%	16 8.1%	21 10.7%
8. Suami tidak menjadi pendengar yang baik	68 34.5%	43 21.8%	64 32.5%	15 7.6%	7 3.6%
9. Suami tidak menghormati keluarga saya	140 71.1%	33 16.8%	15 7.6%	6 3.0%	3 1.5%
10. Suami berjimat dan kedekut dalam berbelanja	87 44.2%	42 21.3%	49 24.9%	10 5.1%	9 4.6%
11. Suami meminta saya melunaskan bil-bil yang tertunggak	102 51.8%	51 25.9%	31 15.7%	7 3.6%	6 3.0%
12. Sebelum gaji keluar, suami meminta wang simpanan saya	116 58.9%	42 21.3%	32 16.2%	2 1.0%	5 2.5%
13. Suami mendesak supaya saya membuat pinjaman	168 85.3%	17 8.6%	8 4.1%	1 0.5%	3 1.5%
14. Keluarga suami selalu bertanya tentang kewangan suami	142 72.1%	28 14.2%	17 8.6%	2 1.0%	8 4.1%
15. Suami enggan menerima cadangan saya untuk membeli rumah sendiri	166 84.3%	9 4.6%	12 6.1%	5 2.5%	5 2.5%
16. Suami tidak menolong saya melakukan kerja-kerja rumah	27 13.7%	60 30.5%	73 37.1%	24 12.2%	13 6.6%

Jadual 4.7 di atas menunjukkan faktor-faktor yang membawa kepada krisis rumahtangga samaada yang berkaitan dengan nafkah atau sikap suami. Hasil

kajian mendapati sebanyak 89.3% responden menyatakan bahawa suami tidak pernah bermain kayu tiga yang boleh membawa kepada berlakunya krisis rumah tangga. Faktor ini merupakan faktor paling maksima yang dipilih oleh majoriti responden dengan kekerapan “ tidak pernah ” serta faktor paling minima dengan kekerapan “ kadang-kadang ” (3.0%) dan “ jarang-jarang ” (3.6%).

Seterusnya daripada kajian mendapati faktor paling minima yang dipilih oleh majoriti responden dengan kekerapan “ tidak pernah ” ialah cuba mengubah perangai buruk suami (10.2%) dan faktor ini merupakan faktor maksima yang dipilih oleh majoriti responden dengan kekerapan “ kadang-kadang ” (39.6%) dan “ selalu ” (13.2%). Pilihan responden ini menunjukkan kadang-kadang isteri-isteri terpaksa memainkan peranannya untuk mengubah dan membentuk perangai suami.

Manakala faktor kedua yang dipilih oleh majoriti responden ialah suami tidak pernah mendesak isteri supaya membuat pinjaman (85.3%) diikuti oleh suami enggan menerima cadangan isteri untuk membeli rumah sendiri (84.3%), keluarga suami selalu bertanya tentang kewangan suami (72.1%), suami tidak menghormati keluarga isteri (71.1%). Faktor seterusnya , sebelum gaji keluar, suami meminta wang dari simpanan isteri (58.9%), suami meminta isteri melunaskan bil-bil yang tertunggak (51.8%), suami tidak memberi perhatian kepada keluarga kerana sibuk dengan tugas (51.3%), suami berjimat dan kedekut bila berbelanja (44.2%), suami tidak suka isteri berdandan berlebihan (42.6%), suami tidak endahkan masalah isteri (41.1%), suami salah faham tentang nafkah ( 37.6%), suami tidak menjadi pendengar yang baik (34.5%).

Manakala suami tidak menolong isteri melakukan kerja-kerja rumah berada pada kedudukan yang kedua (37.1%) selepas faktor ubah perangai suami (39.6%) dengan kekerapan “ kadangkala “. Di samping itu, jumlah ini adalah sama dengan pilihan majoriti responden dengan kekerapan “ jarang-jarang “ bagi faktor suami sering mungkir janji (37.1%), sekaligus ia merupakan jumlah paling maksima bagi kekerapan jarang-jarang.

Daripada kajian juga mendapati secara keseluruhannya, faktor paling minima yang dipilih oleh majoriti responden ialah suami tidak suka isteri berdandan berlebihan iaitu dengan kekerapan “ selalu “ (0.5%). Ini bermakna para suami memang suka isteri-isteri mereka sentiasa bersolek tetapi tidak berlebihan. Secara umumnya, faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya krisis rumah tangga tidak pernah berlaku terhadap responden sama ada faktor-faktor tersebut berkait dengan masalah nafkah atau faktor-faktor lain. Namun terdapat faktor-faktor yang sifatnya “jarang-jarang” dan “kadangkala” dipilih oleh responden sebagai pilihan majoriti, sekiranya dibiasakan akan menyebabkan berlakunya krisis rumah tangga.

#### 4.6 Pengujian Hipotesis Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara pemberian nafkah isteri bekerja berdasarkan ciri demografi responden. Ujian statistik yang digunakan adalah Korelasi Pearson pada aras 0.05%

Analisis korelasi Pearson digunakan untuk mengukur hubungan antara penglibatan isteri dengan faktor-faktor penentunya. Korelasi mengukur darjah hubungan di antara dua pembolehubah dinamakan korelasi mudah manakala darjah hubungan di antara tiga atau lebih pembolehubah dinamakan multikorelasi atau korelasi boleh bilang. Dua pembolehubah dikatakan mempunyai korelasi positif jika kedua-duanya bergerak ke arah yang sama (iaitu kedua-duanya menaik atau menurun). Dua pembolehubah dikatakan mempunyai korelasi negatif sekiranya kedua-dua pembolehubah itu bergerak mengikut arah yang berlainan. Tidak wujud korelasi (korelasi sifar) sekiranya dua pembolehubah tersebut bergerak tanpa hubungan di antara satu sama lain. Nilai bagi koefisien korelasi ( $r$ ) terletak di antara 1 dengan -1. Sekiranya nilai  $r = 1$ , terdapat korelasi positif yang tepat di antara kedua-dua pembolehubah dan apabila nilai  $r = -1$ , ini menunjukkan terdapat korelasi negatif yang tepat antara kedua-dua pembolehubah.

### **Hipotesis 1**

*Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor-faktor penglibatan isteri dalam kerjaya dengan faktor demografi responden*

Hipotesis ini dipecahkan kepada beberapa hipotesis lain berdasarkan kepada ciri-ciri yang dipilih.

a. *Ho : Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor umur responden*

Keputusan analisis korelasi Pearson di antara faktor penglibatan isteri dalam kerjaya dengan faktor umur responden ditunjukkan dalam jadual 4.8. Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang negatif dan tidak signifikan antara faktor penglibatan isteri dalam kerjaya dengan faktor umur responden ( $r = -0.091$ ,  $p =$

0.201). Oleh yang demikian hipotesis tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor umur responden adalah diterima.

Jadual 4.8 : Analisis Korelasi Pearson antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor umur responden

	Penglibatan dalam kerjaya isteri
Umur	r = -0.091
	p = 0.201
	n = 197

b.  $H_0$  : Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor tahap pendidikan responden

Keputusan analisis korelasi Pearson di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor tahap pendidikan responden ditunjukkan dalam jadual 4.9. Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan positif yang lemah dan signifikan antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor tahap pendidikan responden ( $r = 0.176$ ,  $p = 0.013$ ). Oleh yang demikian hipotesis tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor tahap pendidikan responden adalah tidak diterima.

Jadual 4.9 : Analisis Korelasi Pearson antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor tahap pendidikan responden

	Penglibatan dalam kerjaya isteri
Tahap Pendidikan	r = 0.176
	p = 0.013
	n = 197

c.  $H_0$  : Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor pekerjaan responden

Keputusan analisis korelasi Pearson di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor pekerjaan responden ditunjukkan dalam jadual 4.10. Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan negatif yang lemah dan signifikan antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor pekerjaan responden ( $r = -0.132$ ,  $p = 0.064$ ). Oleh yang demikian hipotesis tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor pekerjaan responden adalah tidak diterima.

Jadual 4.10 : Analisis Korelasi Pearson antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor pekerjaan responden

	Penglibatan dalam kerjaya isteri
Pekerjaan	$r = -0.132$
	$p = 0.064$
	$n = 197$

d.  $H_0$  : Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor penglibatan dalam kerjaya isteri dengan faktor jawatan responden

